

## SOALAN LAZIM - PELAKSANAAN SME ICT

1. Siapa yang boleh memohon untuk ke Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert – SME*) ICT?  
**Pegawai Teknologi Maklumat (Gred F44 hingga Gred F54) lantikan Perkhidmatan Awam Persekutuan yang memenuhi kriteria penilaian dan diperakukan oleh Ketua Jabatan.**
2. Apakah yang diperolehi oleh Pegawai yang telah dilantik sebagai SME ICT?  
**Satu bentuk pengiktirafan kepada pegawai pakar bidang khusus di mana pegawai boleh diberi pemangkuhan/kenaikan pangkat secara KUP sekiranya telah melepas penilaian kepakaran yang ditetapkan.**
3. Apakah syarat-syarat untuk kemasukan ke Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert – SME*) ICT?  
**Pegawai yang memohon untuk berada di laluan SME, perlu melepas syarat asas serta mencapai markah keseluruhan tidak kurang daripada 85% bagi kriteria umum dan khusus.**
4. Adakah hanya pegawai yang layak dan telah diperaku sahaja yang boleh memohon?  
**Pegawai yang layak dan lantikan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan yang boleh membuat permohonan.**
5. Adakah permohonan untuk ke Laluan Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert – SME*) ICT perlu melalui Sistem Pengurusan Kerjaya?  
**Permohonan bagi Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat hendaklah melalui Sistem Pengurusan Kerjaya (SPK).**
6. Adakah penempatan pegawai akan dikekalkan di tempat yang sama setelah dilantik sebagai SME ICT?  
**Penempatan pegawai yang dilantik sebagai SME ICT tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dan Ketua Perkhidmatan.**
7. Apakah kepentingan pelantikan SME ICT untuk Sektor Awam?  
**Pengiktirafan pegawai sebagai SME adalah penting bagi mengiktiraf, mengekal & mengoptimumkan kepakaran pegawai, menambahbaik kemajuan kerjaya, membangunkan kepakaran dalaman, pemindahan kepakaran secara tersusun & efektif, mengurangkan kebergantungan kepakaran luar dan meningkatkan motivasi pegawai.**
8. Bidang-bidang yang dipilih oleh pegawai untuk ke laluan Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) ICT?  
**Terdapat 14 bidang/sub bidang kepakaran ICT yang boleh dimohon sebagai SME ICT iaitu Pengurusan Strategik ICT, Sains Data, Pengurusan Pengetahuan dan Maklumat**

Digital, Keselamatan dan Perlindungan Maklumat, Pengurusan Insiden dan Forensik ICT, Penilaian Tadbir Urus dan Audit Keselamatan Maklumat, Pengurusan Projek ICT, Pengurusan Pusat Data, Pengurusan Enterprise ICT, Pengurusan Rangkaian ICT, Kejuruteraan Keperluan Sistem, Kejuruteraan Sistem, Pengujian dan Jaminan Kualiti Perisian (SQA) dan Pengurusan Pangkalan Data.

9. Apakah yang perlu dilaksanakan oleh pegawai yang telah diiktiraf sebagai SME ICT? Pegawai yang berjaya diiktiraf sebagai Pegawai SME ICT oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam akan diberi satu (1) gred pemangkuan yang lebih tinggi dan perlu melaksanakan tugasan *SME Special Assignment (SSA)*.
10. Adakah pegawai yang diiktiraf sebagai SME ICT perlu kekal pada bidang kepakaran yang sama? Pegawai SME hendaklah kekal dalam bidang kepakaran yang sama sepanjang berada di laluan SME. Pegawai SME yang terkeluar dari laluan SME hanya boleh dipertimbangkan semula ke laluan SME tidak kurang daripada 3 tahun.
11. Adakah pegawai yang diiktiraf sebagai SME ICT hanya menjalankan tugas-tugas sebagai SME ICT? Pegawai SME ICT perlu melaksanakan Penugasan Khas Pakar Bidang Khusus (SME Special Assignment – SSA) di samping tugasan hakiki berdasarkan jawatan bagi tujuan pengekalan dan peningkatan di laluan SME ICT.